

Permohonan Muhyiddin batal 4 tuduhan rasuah

# ‘Pertuduhan tidak bersifat diskriminasi’

Bekas PM diberi prosedur sama, berhak kemuka permohonan serta pembelaan

Oleh Faris Fuad  
faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pertuduhan rasuah RM232.5 juta dihadapi Presiden BERSATU, Tan. Sri Muhyiddin Yassin, tidak bersifat diskriminasi berikutan keperluan undang-undang mengikut Seksyen 152, 153 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah sudah dipatuhi.

Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin, berkata itu antara alasan hujahan bahawa tiada pelanggaran hak terhadap Muhyiddin yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN) di bawah Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, alasan lain ialah bekas Perdana Menteri berkenaan diberikan prosedur sama dan berhak untuk mengemukakan sebarang permohonan serta pembelaan sama seperti tertuduh kes lain tanpa diskriminasi.

“Pemohon (Muhyiddin) berhak menyediakan segala pembelaannya dalam kes ini. Seperti mana yang dihujahkan di atas

cara atau bagaimana pemohon menggunakan kedudukannya boleh dibuktikan melalui keterangan sewaktu perbicaraan penuh kelak dan tidak perlu dinyatakan dalam pertuduhan.

“Perkara utama perlu dipertimbangkan adalah elemen atau inti pati di bawah Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dimasukkan dalam pertuduhan yang menjadi perkara dalam permohonan sudah dipenuhi dan dipatuhi, bukan cara yang mana sesuatu elemen dicapai.

“Adalah suatu yang pramatang untuk menghujahkan mengenai cara bagaimana sesuatu kesalahan itu perlu dijelaskan sedangkan keterangan saksi belum didengar,” katanya ketika prosiding di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Muhammad Jamil Husin, semalam.

Muhyiddin memfailkan notis usul untuk membatalkan tuduhan itu pada 18 April lalu, dengan menamakan pendakwa raya sebagai responden.

Pengerusi PN itu memohon supaya dilepas dan dibebaskan daripada keempat-empat pertuduhan yang dikenakan terhadapnya pada 10 Mac lalu, dan memohon prosiding di Mahkamah Sesyen ditangguhkan.

## Guna kedudukan

Melalui affidavit sokongan difailkan bersama notis usul itu, Muhyiddin mendakwa empat tuduhan adalah cacat dan tidak sah di sisi undang-undang kerana bercanggah Seksyen 152 Kanun Acara Jenayah.

Ia berikutan didakwa tiada mana-mana satu pun daripada tuduhan terbabit mendedahkan kesalahan mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM.

Muhyiddin, 75, ketika menjadi Perdana Menteri kelapan didakwa menggunakan kedudukan untuk suapan berjumlah RM232.5 juta daripada tiga syarikat iaitu Bukhary Equity Sdn Bhd, Nepturis Sdn Bhd dan Mamfor Sdn Bhd serta Datuk Azman Yusoff bagi BERSATU.

Beliau dituduh melakukan perbuatan itu di Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya antara 1 Mac 2020 hingga 20 Ogos 2021.

Wan Shahrudin berkata, Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan menerusi perbicaraan jenayah menjamin hak tertuduh bahawa setiap daripada mereka boleh mendapatkan semua hak substantif dan prosedur termasuk mengemukakan pembelaan sama seperti tertuduh kes lain.

“Kami dengan rendah diri memohon supaya permohonan seperti terkandung dalam notis usul ditolak oleh mahkamah,” katanya.

Terdahulu dalam prosiding sama, peguam bela Muhyiddin, Datuk Hisyam Teh Poh Teik, menegaskan pertuduhan salah guna jawatan dihadapi Muhyiddin mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM harus diketepikan kerana tidak mendedahkan sebarang kesalahan dalam undang-undang itu, sekali gus mewujudkan penyalahgunaan proses.

“Jelas bahawa konsep proses keadilan dilanggar oleh pihak pendakwa kerana terlalu tergesa-gesa, yang mana peraturan asas keadilan tidak dipatuhi.

“Empat pertuduhan mengikut seksyen itu tidak mendedahkan kesalahan yang diketahui dalam undang-undang dan akibatnya harus diketepikan.

“Ia mesti jelas dan tepat dalam draf pertuduhan itu, pemohon (Muhyiddin) diprejudis,” katanya.

Hisyam berkata, Muhyiddin dibiar untuk meneka dan membuat spekulasi bagaimana didakwa menyalahgunakan kedudukan jika ada, selain sama ada membuat sebarang keputusan, mengambil apa-apa tindakan dan berhubung perkara apa.

“Pemohon tidak dapat memberi arahan tepat kepada pakuhan peguam yang mengakibatkan penyediaan pembelaan menjadi cacat,” katanya.



Muhyiddin Yassin